

UMS-DBP Meterai Perjanjian Penerbitan Buku Dengan Aplikasi Augmented Reality

Terakhir dikemaskini: Khamis, 22 Mac 2018 16:15 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 419

Syorkan 11

Kongsi

Tweet

Share



KHAMIS, 22 MAC – Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memeterai satu perjanjian penerbitan buku yang menggunakan aplikasi *Augmented Reality* (Realiti Berperantara) dalam satu majlis di Dewan Amil Jaya, DBP

Cawangan Sabah pagi tadi.

Pemeteraian perjanjian kedua-dua pihak ditandatangani oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin mewakili UMS, dan Pendaftar UMS, No'man Haji Ahmad sebagai saksi di pihak UMS, manakala DBP diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Haji Abdul Adzis Abas dan Pengarah Penerbitan DBP, Tuan Haji Abd. Khalik Sulaiman sebagai saksi.

Turut menyaksikan majlis menandatangani dokumen perjanjian antara UMS dan DBP adalah Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, Datuk Zakaria Edris; Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah merangkap Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Datuk Haji Mohd Ariffin Mohd Arif; dan Pengarah DBP Cawangan Sabah, Hajah Asmiah Ajamain.

Terdahulu, Datuk Abdul Adzis Abas dalam ucapannya berkata, kerjasama penerbitan UMS-DBP melibatkan penerbitan buku interaktif kanak-kanak “Gergasi dan Penghuni di Rumah Panjang” dengan elemen tambahan iaitu melalui aplikasi *Augmented Reality*.

“Persetujuan kerjasama telah dicapai dengan DBP menerbitkan buku bercetak, manakala UMS membangunkan aplikasi *Augmented Reality*.

“Bersesuaian dengan trend penerbitan masa kini dan juga memenuhi kehendak generasi muda, DBP tidak ketinggalan menyebarkan bahan bacaan berbahasa Melayu dalam persekitaran digital yang pesat supaya dapat dicapai secara maya,” katanya.

Inovasi penerbitan buku “Gergasi dan Penghuni di Rumah Panjang” dengan aplikasi *Augmented Reality* diusahakan bersama Ketua Unit Penyelidikan Warisan Borneo, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) UMS, Prof. Madya Dr. Low Kok On dan Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) UMS, Prof. Madya Dr. Ag. Asri Ag. Ibrahim.